

Kerajaan gagal lucut hak harta Najib, keluarga

BA-9/11/2021 m/d: 19

AGC gagal buktikan hubungan barangan disita dengan aktiviti menyalahi undang-undang

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi di sini semalam, menolak permohonan kerajaan melucut hak barangan mewah yang dirampas daripada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bersama isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor serta anak mereka dan beberapa individu lain.

Barangan itu termasuk beg tangan pelbagai jenama, 27 buah kenderaan dan wang tunai pelbagai mata wang yang disita daripada Najib, Rosmah, tiga anak mereka dan lima lagi responden yang didakwa mempunyai kaitan dengan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Hakim, Mohamed Zaini Mazlan, ketika menolak permohonan Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk melucut hak barangan itu, berkata AGC gagal membuktikan hubungan antara harta yang disita dan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

“Harta yang disita daripada Najib, Rosmah, dua anak mereka, Nor Ashman Razak dan Nooryana Najwa serta anak tiri Najib, Riza Shahriz Abdul Aziz, dirampas dari premis yang diduduki atau sebelum ini diduduki mereka dan mereka dalam apa jua keadaan, daripada keluarga yang sama.

“Tiada bukti yang menunjukkan bahawa harta yang disita daripada lima responden itu dibeli menggunakan wang dalam akaun bank Najib. Pemohon (AGC) sebenarnya mengakui bahawa beberapa harta yang disita adalah hadiah,” kata hakim itu.

Hakim Mohamed Zaini berkata, pemohon hanya menyenaraikan harta yang disita dan nilainya dan seterusnya menyimpulkan bahawa kelima-lima responden tidak mempunyai sejumlah besar wang tunai atau membeli harta itu berdasarkan pendapatan mereka.

“Adalah jelas bahawa pemohon hanya membuat kesimpulan ini berdasarkan anggapan dan ia tidak mencukupi kerana pemohon perlu membuktikan hubungan langsung antara wang yang didakwa diperolehi secara haram kepada wang yang ditemui dan harta yang dibeli,” katanya.

Hakim juga menolak permohonan melucut hak sebuah bang-

lo yang didirikan atas dua plot tanah di Taman Tanjung Bungah, Pulau Pinang, serta wang yang disimpan dalam tiga akaun bank Hong Leong milik responden ke-13, Puan Sri Goh Gaik Ewe, yang merupakan ibu kepada ahli perniagaan buruan, Low Taek Jho atau Jho Low.

“Pemohon hanya menunjukkan wang yang dikreditkan ke dalam akaun bank tetapi tidak

memberikan apa-apa bukti bagaimana akaun bank ini berkaitan atau digunakan untuk menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

“Hubungan antara responden ke-13 dengan mana-mana watak atau entiti dalam hal ehwal 1MDB telah hilang dengan ketara dan terdapat banyak

percanggahan dalam afidavit oleh pegawai penyiasat yang tidak pernah diperbetulkan atau diberi penjelasan,” katanya.

Kerajaan juga gagal melucut hak wang yang disimpan dalam tujuh akaun bank milik responden ke-14 dan ke-15, bekas pegawai bank Goldman Sachs Roger Ng dan isterinya, Lim Hwee Bin, atas alasan yang sama iaitu pemohon tidak menyediakan bukti bahawa akaun bank itu berkaitan atau digunakan untuk

menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

“Pemohon juga tidak memberikan sebarang bukti untuk menunjukkan bagaimana wang yang didepositkan ke dalam akaun bank itu dikaitkan dengan sebarang transaksi haram... saya cenderung untuk bersetuju dengan peguam mereka dan oleh itu menolak permohonan ini,” kata Hakim Mohamed Zaini.

Mahkamah juga menolak permohonan kerajaan untuk melucut hak 26 Nissan Urvan dan sebuah Nissan X-Trail milik responden ketujuh dan kelapan yang dinamakan dalam saman pelucuthaan tersebut iaitu sebuah syarikat khidmat perundingan pengurusan, Senijauhar Sdn Bhd dan seorang individu, Aiman Ruslan.

Timbalan Pendakwa Raya, Harris Ong Mohd Jeffery Ong, memberitahu mahkamah, yang AGC akan memfailkan rayuan terhadap keputusan itu.

Sementara itu, mahkamah membenarkan permohonan kerajaan untuk melucut hak aset daripada lapan responden lain kerana mereka tidak membantah permohonan tersebut iaitu Mohd Kyizzad Mesran, Yayasan Rakyat 1Malaysia, Yayasan Semesta, Yayasan Mustika Kasih, Rembulan Kembara Sdn Bhd dan tiga bekas pegawai 1MDB yang telah melarikan diri, Kee Kok Thiam, Tan Vern Tact dan Geh Choh Hun.

BERNAMA



Najib Razak